

Tanda taubat diterima, hati sudah tawar untuk mengulangi dosa

# SOLUSI

PANDUAN  
HIDUP  
BERSYARIAT

2012 | PP 15048/05/2013 (032162) |

MOTIVASI · FARDUAIN ·


ISU No.

46

## Kisah Labu dan Butang Baju

Anas bin Malik r.a. menceritakan: "Seorang tukang jahit mengundang Rasulullah s.a.w. menghadiri satu jamuan yang hidangan tersebut dimasak sendiri olehnya. Saya menemani Rasulullah s.a.w. menghadiri jamuan tersebut. Tuan rumah mendekatkan kepada Baginda s.a.w. roti serta kuah berisi labu dan daging. Saya melihat Baginda mencari-cari labu di dalam mangkuk tersebut. Maka sejak itu saya menyukai labu."

Selanjutnya di hlm. 67



> Syukur Kita Dapat Melihat

hlm. 92

> Rujuk Melalui SMS?


hlm. 76

> Catatan Rihlah di Bumi al-Quds

hlm. 32

> Allah Takdirkan Saya Buat Maksiat? hlm. 101

## Taubat sebelum Terlambat



### Orang yang boleh segera bertaubat

hanyalah orang yang merasakan keagungan Allah, takut kepada-Nya dan mengharapkan keampunan-Nya. Bukan kerana takut penyakit, atau sudah tidak berupaya atau tidak bertenaga, atau untuk selamat daripada dipenjarakan atau takut dihukum, tetapi taubat yang ikhlas semata-mata kerana Allah.

ISSN 1985-5400

46

RM 10.00 (SEM)  
RM 12.00 (S/S)  
SGD 7.50  
BND 7.50  
USD 10.00  
EUR 8.00  
IDR 35,000.00  
AUD 7.50



TELAGA BIRU SDN. BHD.



AUDIT BUREAU OF CIRCULATIONS  
(Incorporated in Malaysia)



Imbas kod  
untuk ke  
Facebook  
Majalah  
Solusi




Sebuah  
terbitan

Telaga Biru

# IFTAR

## RAMADHAN 2012

bersama Personaliti Ilmuan



DR. HJ ZAHAZAN MOHAMED DR. ZAHARUDDIN ABD RAHMAN  
 DATUK USTAZAH NORBAHYAH MAHMOOD & USTAZ WAN AKSYAH  
 USTAZ HJ ZAMRI ZAINUDDIN USTAZ ZULKEFLI HAMAT  
 USTAZ MOHD IZHAR ARIFF M. KASHIM USTAZ SYED NORHISYAM  
 USTAZ FAUZI MUTAFFA USTAZ BADLISHAH ALAUDDIN  
 USTAZ M. NIZAM ABD. KADIR USTAZ AHMAD HUSNI ABD RAHMAN  
 USTAZ HASLIN BAHARIM USTAZ AHMAD FAWWAZ FADZIL  
 EN. AMIN IDRIS CIK HELIZA HELMI

*Majlis berbuka puasa bersama personaliti ilmuan*

- Iftar.
- Solat Maghrib berjamaah.
- Solat sunat Tarawih berjamaah.
- Tazkirah Ramadhan.
- Moreh.



**12 Ogos 2012**

PWTC, Kuala Lumpur

**RM180** seorang

TEMPAHAN TEMPAT DUDUK DIBUKA SEKARANG  
 Hubungi kami segera di talian  
 03-62754458/ 4459  
 atau  
 lari : [www.telagabirutraining.com](http://www.telagabirutraining.com)

Anjuran



soal jawab | muamalat

### Skim Ponzi

Apa hukum saya meneruskan skim ponzi setelah insaf dengan tujuan mendapatkan semula modal sahaja? Contohnya, modal sebanyak RM20,000 atau RM300 sebulan selama 10 tahun sangat membebankan bagi pekerja berpendapatan rendah.

**Jawapan:** Umum telah mengetahui bahawa skim pyramid atau ponzi ialah riba *al-nasiah* dan riba *al-fadl* kerana duit berbalas duit yang tidak sama nilainya dan dibuat secara bertangguh. Ia juga tergolong dalam kategori haram kerana melibatkan penipuan dan memakan harta orang lain secara zalim.

Selain itu, ia sekali lagi jatuh kepada hukum haram kerana ia bercanggah dengan undang-undang banyak negara di dunia, termasuk negara kita.

Justeru, meneruskan usaha mencari *downline* setelah mengetahui ia skim yang salah dan haram di sisi hukum Islam dan negara adalah **dilarang dan haram** juga.

Alasan untuk mendapatkan semula modal tidak sama sekali mengharuskan seseorang untuk terus melibatkan orang lain dalam mudarat skim ini. Ia jelas sama seperti si mangsa yang sedar sedang berusaha mencuri duit orang lain dengan alasan ingin mendapatkan modalnya yang dicuri oleh *uplinenya*.

Ia tidak dibenarkan, dan perkara yang sepatutnya dilakukannya adalah:

1. Meminta wang modalnya dikembalikan daripada *upline* dan memulangkan apa-apa produk syarikat (jika ada) yang dijadikan umpan untuk pembayaran.
2. Menuntut kembali wang daripada syarikat (jika syarikat masih beroperasi). Namun jika syarikat telah diambil tindakan oleh pihak berkuasa, biasanya akaun mereka akan terus dibekukan.
3. Jika syarikat bersikap degil, failkan saman di mahkamah atas individu pemilik syarikat kerana jika difailkan atas syarikat, berkemungkinan syarikat tersebut akan diambil tindakan dan ditamatkan oleh pihak berkuasa. Justeru, failkan saman kepada individu pemilik syarikat. Kelak pihak mahkamah yang akan memutuskan hak mangsa berkaitan pembayaran balik modalnya.
4. Jika semua usaha di atas gagal, anggaplah ia sebagai pembersihan harta-harta syubhab dan haram yang mungkin tidak disengajakan atau dengan sengaja yang menjadi milik anda.

Janganlah bersedih kerana harta dan kehidupan dunia ini hanya sementara. Bergembiralah kerana kita diingatkan oleh Allah lalu diuji dan dibersihkan daripada harta-harta yang kurang elok.

Jangan lupa juga, wajib melaporkan kewujudan skim ponzi kepada pihak berkuasa secepat mungkin sebelum mereka mendapat lebih ramai mangsa. Bantulah individu lain agar mereka tidak terjebak dalam skim ini dan tindakan ini dengan segera akan menamatkan "hayat" syarikat tersebut.

Itulah tuntutan Islam sebagaimana hadis Nabi s.a.w. yang bermaksud: "Bantulah saudaramu yang zalim dan dizalimi. Sahabat bertanya: 'Kami faham tuntutan mereka yang dizalimi, tetapi bagaimana pula dengan mereka yang zalim?' Nabi s.a.w. menjawab: 'Iaitu dengan menghalangnya daripada terus melakukan kezaliman. Itulah erti membantuinya.'" (Riwayat Muslim) ☈